

Jawatan KM terserah kepada PM — Keng Yaik

UM - 4 DEC 1999

KUALA LUMPUR 3 Dis. — Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, beliau menyerahkan kepada kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menentukan bakal Ketua Menteri Pulau Pinang ekoran masalah dalaman parti itu semalam.

Menurutnya, Pengerusi Gerakan Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, sendiri telah memberitahu Dr. Mahathir mengenai perkembangan yang berlaku di Pulau

Pinang berhubung dengan tindakan dua wakil rakyat Gerakan keluar dari parti itu semalam.

Jelas Keng Yaik, beliau sendiri akan menemui Perdana Menteri secepat mungkin untuk mencari penyelesaian terhadap kemelut yang timbul yang dipercayai ekoran rasa tidak berpuas hati terhadap kepimpinan Koh.

“Jadi saya akan serahkan kepada kebijaksanaan beliau (Dr. Mahathir). Saya percaya-

kan dia,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Keng Yaik memberitahu, parti itu akan menerima apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Koh dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun 1990. Pada pilihan raya umum kali ini, beliau yang bertanding di Tanjong Bunga berjaya mempertahankan kerusi itu dengan kelebihan 6,861 undi.

Dalam pada itu, Keng Yaik turut meminta maaf kepada penduduk Pulau Pinang berhubung tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas, Lim Chien Aun dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) bertindak keluar daripada parti itu semalam.

“Ia di luar jangkaan kita sama sekali. Bagaimanapun kita akan tubuhkan pasukan pekerja parti secepat mungkin untuk berkhidmat kepada penduduk di sini,” katanya.